

**SULIT**  
**1223/1**  
**Pendidikan**  
**Islam**  
**Kertas 1**  
**September**  
**2005**

1223/1



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2005**

**PENDIDIKAN ISLAM**

Kertas 1

Dua jam

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. **Bahagian A** mengandungi **40** soalan objektif yang diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D** serta soalan mengisi tempat kosong. Jawab semua soalan pada kertas jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
3. **Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. **Soalan 1 dan soalan 2 wajib** dijawab dan pilih mana-mana **satu** soalan berikutnya. Kesemua **tiga** soalan wajib dijawab. Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.
4. *Ceraikan jawapan Bahagian A dan ikatkan bersama-sama dengan kertas jawapan Bahagian B.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

**BAHAGIAN A**  
( 40 markah )

**Soalan 1 hingga Soalan 20.**

*Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat dalam lampiran kertas jawapan yang disediakan.*

1. Kesalahan yang melibatkan hukuman Qisas ialah

- A zina
- B qazaf
- C bunuh
- D minum arak

2.

- Dilahirkan pada tahun 150 Hijrah.
- Menghafaz al-Quran ketika berusia 9 tahun.
- Mengarang Kitab al-Risalah.

Pernyataan di atas adalah mengenai tokoh

- A Imam Malik Rahimahullah
- B Imam al-Syafie Rahimahullah
- C Imam Abu Hanifah Rahimahullah
- D Imam Ahmad Ibnu Hanbal Rahimahullah

3.

Budin memakai kain sarung semasa beliau mengerjakan solat sebelum tahalul awal.

Nyatakan jenis dam yang dikenakan terhadap kesalahan di atas

- A Takhyir dan Takdir
- B Takhyir dan Takdil
- C Tertib dan Takdir
- D Tertib dan Takdil

4. Berikut adalah benar sebab-sebab perlunya adab bermusafir **kecuali**
- A mendapat rahmat
  - B cepat sampai ke destinasi
  - C kebersihan persekitaran terpelihara
  - D dapat menyelesaikan pertelingkahan
5. Di antara berikut, manakah pernyataan mengenai aspek rohani ketika menziarahi pesakit ?
- A Mengingatkan pesakit supaya sentiasa mengingati Allah.
  - B Memahami keperitannya menanggung kesakitan.
  - C Bertanya tentang keinginan dan keperluannya.
  - D Melayan pesakit dengan mesra.
6. Berikut adalah **benar** mengenai adab-adab pembeli
- I Bersifat jujur
  - II Bertolak ansur
  - III Membeli atas belian orang lain
  - IV Saling melindungi hak masing-masing
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D I, II, III dan IV
7. Manakah yang berikut merupakan *iddah* bagi isteri yang kematian suami ?
- A 3 bulan
  - B 3 kali suci
  - C Tanpa iddah
  - D 4 bulan 10 hari
8. Mazhab yang mengharuskan nikah kontrak ( muta'ah ) ialah
- A Mazhab Syiah Batiniyyah
  - B Mazhab Syiah Imamiyyah
  - C Mazhab Syiah Zaidiyyah
  - D Mazhab Khawarij

9. Antara berikut yang manakah **tidak** benar mengenai ajaran Bahai ?

- A Beriktikad tiada syurga dan neraka.
- B Beriktikad bahawa Nabi Isa disalib.
- C Beriktikad bahawa alam ini bersifat *baqa'* (kekal).
- D Beriktikad bahawa pengasasnya adalah jelmaan Allah.

10.

Ali menjatuhkan talak ke atas isterinya yang sedang hamil

Apakah hukum talak bagi situasi di atas ?

- A Wajib
- B Sunat
- C Haram
- D Makruh

11. Di antara berikut, manakah pernyataan yang **benar** mengenai Syeikh Muhammad Abduh ?

- I Mengetuai gerakan Islah.
- II Murid kepada Jamaludin al-Afghani.
- III Pernah belajar di Universiti al-Azhar.
- IV Beliau mengarang kitab al-Muqaddimah.

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

12.

Satu kumpulan berikrar untuk mengumpul dan menggembeling usaha serta sumber bagi mengadakan pakatan bersama.

Pernyataan di atas adalah merujuk kepada pengertian


- A Sewa
- B Saham
- C Gadaian
- D Insurans

13. Di antara faktor kejatuhan kerajaan Abbasiyah ialah
- I ekonomi negara tidak stabil
  - II perselisihan aliran fahaman keagamaan
  - III mengutamakan bangsa Arab dalam pentadbiran
  - IV perpecahan wilayah di bawah kekuasaan kerajaan
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D I, III dan IV
14. Berikut adalah benar mengenai syarat sah *al-ijarah* (sewa) **kecuali**
- A kedua-dua pihak hendaklah bersetuju mengadakan kontrak sewa.
  - B barang yang disewa berfaedah dan diharuskan oleh syarak.
  - C manfaat yang tercatat dalam kontrak boleh digunakan.
  - D barang yang disewa tidak dimiliki dengan sempurna.
- 15.
- وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا عَرَّضْتُمْ بِهِ مِنْ خِطْبَةِ النِّسَاءِ

*Surah al-Baqarah : ayat 235*
- Potongan ayat di atas merupakan dalil bagi
- A Rujuk
  - B Talak
  - C Mahar
  - D Meminang
16. Antara pernyataan berikut yang manakah menerangkan kesan pencemaran asap rokok kepada alam sekitar ?
- I Berlaku pencemaran udara yang kronik.
  - II Persekitaran menjadi kotor dengan sisa rokok.
  - III Menggugat tumbesaran tumbuhan dan kanak-kanak.
  - IV Penghidu asap rokok menghadapi pelbagai bahaya penyakit.
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

17. Antara berikut merupakan ciri-ciri individu yang mencapai kemanisan iman **kecuali**
- A melakukan ibadat wajib
  - B berasa gembira melakukan ibadat
  - C mengasihi sesama manusia kerana Allah S.W.T.
  - D sanggup menanggung kepayahan demi mendapat keredhaan Allah S.W.T.
18. Berikut adalah **benar** mengenai Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia.
- I Enakmen Undang-undang Keluarga Islam ialah undang-undang yang tertinggi di setiap negeri.
  - II Enakmen undang-undang Keluarga Islam setiap negeri ditadbir oleh Pentadbiran Hukum Syarak Negeri.
  - III Setiap negeri mempunyai undang-undang Keluarga Islam yang tersendiri dan terpakai di negeri berkenaan sahaja.
  - IV Enakmen undang-undang Keluarga Islam adalah rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.
- A I, II dan III
  - B II, III dan IV
  - C I, III dan IV
  - D I, II dan IV
19. Satu daripada berikut **bukan** pegangan golongan Khawarij.
- A Beriktikad bahawa pelaku dosa besar adalah kafir.
  - B Membataskan sumber syariah hanya al-Quran sahaja.
  - C Beriktikad bahawa jawatan imam dianugerahkan oleh Allah seperti kenabian.
  - D Mengkafirkan dan menghalalkan darah semua umat Islam yang berbeza iktikad dengan mereka.
20. Berikut adalah contoh penyalahgunaan kemudahan awam yang disediakan di sekolah **kecuali**
- A menconteng dinding tandas dengan kata-kata lucu
  - B merosakkan telefon awam dengan memotong talian
  - C merosakkan kerusi meja dan peralatan bilik darjah
  - D membuang sampah di tempat yang disediakan

Soalan 21 dan Soalan 22 adalah berdasarkan rajah di bawah.  
Lengkapkan rajah mengenai rukun zihar.



23. \_\_\_\_\_ ialah para ulama salihin yang hidup sebelum kurun ketiga Hijrah.
24. Perdana Menteri yang bertindak sebagai ketua pentadbir yang dibantu oleh menteri-menteri dan jabatan-jabatan kerajaan pada zaman Kerajaan Abbasiyah dikenali sebagai \_\_\_\_\_ .

Soalan 25 hingga Soalan 27 berdasarkan jadual di bawah :


Nyatakan tokoh-tokoh daripada kalangan Khulafa' al-Rasyidin berdasarkan peristiwa penting di bawah.

| No. | Khalifah | Peristiwa Penting                                     |
|-----|----------|---|
| 25. |          | Meneruskan Majlis Tahkim walaupun tidak dipersetujui. |
| 26. |          | Menghapuskan nabi palsu dan pengaruhnya.              |
| 27. |          | Membukukan al-Quran.                                  |


28. Tokoh tentera pada zaman Umayyah yang berjaya membuka Andalus (Sepanyol) ialah\_\_\_\_\_.
29. \_\_\_\_\_ bermaksud pemberian yang diharuskan sebagai satu penghargaan, tanda kasih sayang atau pujian.
30. Jabatan khas yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan mengurus hal ehwal ketenteraan dinamakan\_\_\_\_\_.

Soalan 31 dan Soalan 32 adalah berdasarkan gambar di bawah.

Bilakah masa amalan haji berikut dilakukan ?




31 \_\_\_\_\_



32 \_\_\_\_\_

33. Encik Rizal menyembelih seekor kambing untuk akikah anak lelakinya yang baru lahir. Hukumnya \_\_\_\_\_.
34. \_\_\_\_\_ ialah hak penjagaan anak yang belum mumaiyiz dan tidak mampu menguruskan diri sendiri.
35. Syeikh Tahir Jalaluddin telah menerbitkan majalah al-Imam dan \_\_\_\_\_ di Singapura sekitar tahun 1906 Masihi.

**Soalan 36 dan Soalan 37** adalah berdasarkan rajah di bawah.  
Lengkapkan bidang ilmu berdasarkan hasil karya tokoh berikut.




38. Benci kepada \_\_\_\_\_ sebagaimana benci jika dicampakkan ke dalam api neraka termasuk dalam ciri-ciri orang yang mencapai kemanisan iman.
39. Ucapan \_\_\_\_\_ ke atas Rasulullah S.A.W. adalah tanda kasih seseorang kepada Baginda.
40. “*Abu telah mendapat bonus sebanyak RM 30,000.00. Beliau telah membelanjakan wang tersebut dengan berfoya-foya di pusat hiburan*”.  
Perbuatan di atas merupakan kufur \_\_\_\_\_ .

**Bahagian B**  
[ 60 markah ]

Jawab **tiga** soalan sahaja daripada bahagian ini.

**Soalan 1 dan Soalan 2 wajib** dijawab dan pilih **satu** sahaja daripada **Soalan 3 dan Soalan 4**.

1. (a) Firman Allah s.w.t



Islam memerintahkan supaya melindungi anak yatim.

- i. Jelaskan **dua** cara melindungi harta anak yatim . [ 4 markah ]
- ii. Terangkan **tiga** akibat memakan harta anak yatim. [ 6 markah ]

(b) Fahaman Ahli al-Sunnah Wa al -Jamaah merupakan pegangan umat Islam di Malaysia.

- i. Nyatakan **tiga** prinsip Ahli al-Sunnah Wa al-Jamaah. [ 6 markah ]
- ii. Terangkan pandangan Ahli al-Sunnah Wa al- Jamaah terhadap **dua** daripada tiga isu berikut :
  - a. Al-Quran al-Karim
  - b. Pelaku dosa besar
  - c. Melihat Allah S.W.T. [ 4 markah ]

2. (a) Mengadakan *walimah al-'arus* adalah sangat dituntut dalam Islam.

- i. Nyatakan hukum menghadiri *walimah al-'arus*. [ 2 markah ]
- ii. Jelaskan **dua** contoh *walimah al-'arus* yang bertentangan dengan syarak. [ 4 markah ]

(b) Pengharaman berkahwin disebabkan penyusuan sama seperti pengharaman disebabkan keturunan.  
Terangkan **dua** syarat penyusuan. [ 4 markah ]

(c) Sabda Rasulullah S.A.W.

Hadith di atas menerangkan tentang upah haji.

- i. Jelaskan maksud upah haji. [ 2 markah ]
  - ii. Terangkan **dua** sebab yang mengharuskan upah haji. [ 4 markah ]
- (d) Terangkan **dua** hikmah ibadah haji terhadap individu. [ 4 markah ]

3. (a) Taman rekreasi merupakan tempat untuk beriadah dan mencari ketenangan.

- i. Terangkan **tiga** cara berekreasi yang diredhai oleh Allah S.W.T. [ 6 markah ]
- ii. Jelaskan **dua** hikmah beradab di tempat rekreasi. [ 4 markah ]


(b) Umat Islam mencapai era kemajuan dan kegemilangan pada zaman pemerintahan kerajaan Umayyah.

- i. Nyatakan **dua** disiplin ilmu akli (عقلی) yang terdapat pada zaman Umayyah. [ 2 markah ]
- ii. Jelaskan **dua** faktor kegemilangan tamadun Islam pada zaman Umayyah. [ 4 markah ]

(c) Pertanian merupakan salah satu sektor utama ekonomi kerajaan Abbasiyah.

Terangkan **dua** usaha yang dilakukan oleh kerajaan Abbasiyah untuk memajukan sektor tersebut. [ 4 markah ]

4. (a) Firman Allah S.W.T.


 وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ يُوفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ

( Surah al-Baqarah )

Maksudnya ; “Dan apa jua yang kamu dermakan dari harta yang halal, akan disempurnakan (balasan pahalanya) kepada kamu, dan (balasan baik) kamu (itu pula) tidak dikurangkan”.

Berdasarkan ayat di atas, terangkan **dua** kelebihan bersedekah. [ 4 markah ]

(b) Kepimpinan adalah perkara yang penting dalam sesebuah organisasi.  
Terangkan tanggungjawab anda sebagai pelajar terhadap kepimpinan di sekolah.  
[ 6 markah ]

(c) Imam Al-Ghazali merupakan seorang tokoh tasawwuf yang terkenal.

i) Terangkan sejarah pendidikan beliau. [ 4 markah ]

ii) Namakan hasil karya beliau. [ 2 markah ]

(d) Baitulmal ialah institusi kewangan terbesar pada zaman kerajaan Abbasiyah.  
Jelaskan **dua** peranan Baitulmal pada zaman tersebut.  
[ 4 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**